

22 AUG 2001

Mahathir-Suhakam

LAPORAN SUHAKAM DIPENGARUHI PEMIKIRAN BARAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata laporan siasatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) mengenai perhimpunan haram di Lebuhraya Kesas-Jalan Kebun tahun lepas banyak dipengaruhi oleh pemikiran Barat dan bukan bagi kepentingan negara.

"Mereka (anggota Suhakam) tidak berfikir bagi kepentingan Malaysia," kata beliau setibanya kembali dari Uganda bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di Kampala.

Beliau berkata Suhakam seharusnya memberi pertimbangan kepada keterangan yang diberikan oleh polis pada masa siasatan itu memandangkan mereka menjalankan tugas dalam keadaan tertekan bagi menangani perhimpunan haram pada 5 Nov tahun lepas itu.

"Itu pendapat dia (Suhakam) dan dia hanya lihat dari satu sudut dan nampak polis jahat. Kadang-kadang polis kena guna kekerasan kerana orang-orang ini (penunjuk perasaan) juga guna kekerasan," katanya pada persidangan media di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang pagi ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian sebagai mengulas laporan yang diumumkan oleh pesuruhjaya Suhakam Tan Sri Anuar Zainal Abidin pada Isnin lepas yang merumuskan bahawa polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi dalam tindakannya semasa insiden itu.

Siasatan Suhakam oleh panel tiga anggota yang diketuai Anuar diadakan selama 20 hari bermula 29 Nov tahun lepas dan mendengar keterangan daripada 46 saksi.

Dalam insiden itu polis telah menahan 125 orang selain merampas beberapa senjata seperti parang dan kayu.

Dr Mahathir berkata penunjuk perasaan itu mahu menjadikan Malaysia seperti negara lain di mana demonstrasi boleh menjatuhkan kerajaan... "Ini merupakan satu fenomena baru."

Perdana Menteri berkata jika dibanding dengan demonstrasi di Genoa, Itali, Seattle (Amerika Syarikat) dan Vancouver (Kanada), polis mereka bertindak dengan lebih ganas dan teruk malah di Genoa, penunjuk perasaan ditembak dan digilis dengan kereta.

Para penunjuk perasaan di tiga buah negara tersebut mengadakan demonstrasi semasa siri mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) baru-baru ini.

"Polis mereka lebih kejam tapi polis kita lebih bertimbang rasa. Polis kita patut diberi kuasa menggunakan kekerasan," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat di negara ini tidak begitu berterima kasih kepada polis dalam tindakan mereka menjaga keamanan negara walaupun mereka lebih bertimbang rasa jika dibandingkan dengan polis di luar negara yang bertindak lebih ganas.

"Walaupun mereka (polis luar negara) bertamadun tinggi, berprihatin dan memikir tentang hak kemanusiaan dan sebagainya, tetapi bila berhadapan dengan masalah macam ini, tindakan mereka jauh lebih ganas," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Orang Malaysia nampaknya takut sangat, takut kalau-kalau orang putih tak puji kita. Pedulikan orang putih puji atau tak puji. Kita hendak jaga keamanan negara kita."

"Mereka (Suhakam) dipengaruhi oleh pemikiran Barat, mereka mahu buktikan yang kita liberal. Tetapi Barat tidak begitu liberal, mereka bertindak ganas terhadap sebarang demonstrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia boleh tunggu dan lihat nanti apa yang akan terjadi semasa Persidangan Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang akan datang di Australia apabila demonstrasi akan diadakan dan keganasan akan berlaku.

Beliau berkata kerajaan Malaysia sentiasa menjaga kepentingan rakyat dan hak asasi manusia, tetapi jika rakyat bertindak ganas, pihak berkuasa terpaksa menguatkuasakan undang-undang.

Dr Mahathir berkata beliau akan meneliti rumusan siasatan Suhakam itu dan melihat cadangan-cadangan yang dikemukakan.

-- BERNAMA

HK AHH NMO